



## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 1980

Tuan,

### TATACARA PENYELENGGARAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT, PEMANGKUAN DAN PENANGGUNGAN KERJA

#### 1. **Pendahuluan**

1.1 Sungguhpun kenaikan pangkat, pemangkuan serta penanggungan kerja merupakan satu aspek pentadbiran personel yang penting tetapi adalah didapati Kementerian / Jabatan tidak memberikan perhatian yang sepatutnya kepada perkara ini. Urusan-urusan kenaikan pangkat / pemangkuan serta penanggungan kerja tidak dilaksanakan di dalam masa yang berpatutan sehingga kadangkala menjejaskan "morale" pegawai-pegawai yang terlibat. Jabatan ini dari masa ke semasa telah mengeluarkan arahan-arahan yang berupa penjelasan bagi melaksanakan urusan kenaikan pangkat / pemangkuan dan penanggungan kerja serta arahan-arahan yang merupakan gesaan supaya urusan tersebut dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan, tetapi adalah didapati urusan-urusan tersebut masih belum diselenggarakan dengan memuaskan.

#### 2. **Buku Panduan**

2.1 Sebagai satu usaha untuk membantu Kementerian / Jabatan di dalam menyelenggarakan urusan kenaikan pangkat / pemangkuan serta penanggungan kerja, Jabatan ini telah menyediakan dan mengeluarkan sebuah buku panduan yang diberi tajuk "Panduan Penyelenggaraan Urusan Kenaikan Pangkat, Pemangkuan dan Penanggungan Kerja".

2.2 Buku ini selain dari memberi penerangan mengenai tatacara penyelenggaraan urusan kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungan kerja adalah juga menyediakan format-format yang perlu digunakan bagi urusan berkenaan. Buku ini boleh diperolehi daripada Jabatan Percetakan Negara.

#### 3. **Pindaan Kepada Buku Panduan**

3.1 Berikutan dengan semakan gaji pegawai-pegawai sektor awam mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1980](#), perenggan-perenggan 2.2 (a), 2.2 (b), 10.2 dan 11.2 (i) di dalam buku panduan yang menyebutkan gaji minima \$1,805 hendaklah dipinda dan dibaca sebagai \$2,095.

#### 4. **Tarikh Kuatkuasa**

4.1 Mulai dari tarikh keluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini semua urusan mengenai kenaikan pangkat, pemangkuan dan penanggungan kerja hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan di dalam buku panduan tersebut serta menggunakan format-format yang ditentukan di dalamnya.

4.2 Sekiranya terdapat sebarang keraguan atau kemusykilan mengenai Surat Pekeliling ini dan buku panduan berkenaan, Kementerian / Jabatan bolehlah menghubungi Jabatan ini untuk mendapatkan

penjelasan selanjutnya.

## 5. Pembatalan

5.1 Dengan ini Surat Pekeliling-Surat Pekeliling berikut adalah dibatalkan :

**Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1968,**

**[Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 1970,](#)**

**Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1973.**

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HASSAN BIN IBRAHIM)  
*Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

*30hb Julai, 1980.*

KETUA SETIAUSAHA NEGARA,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
KUALA LUMPUR.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Salinan :

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.